

Bandar Melaka

BAB 1

WARISAN NEGARA BANGSA



LATAR BELAKANG NEGARA BANGSA SEBELUM KEDATANGAN BARAT

- Kemunculan kerajaan Alam Melayu bukti asas negara bangsa telah bermula **sebelum kedatangan Barat**.
- Proses pembentukan
 - i. Masa yg **lama**
 - ii. Melalui tahap berdasarkan sesebuah kerajaan
 - iii. Kehebatan kerajaan Alam Melayu menunjukkan **ciri negara bangsa berkembang** dan **diwarisi** kerajaan Alam Melayu selepasnya.

Ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu

<u>Raja</u>	<u>Undang-undang</u>	<u>Wilayah Pengaruh</u>	<u>Rakyat</u>
• Tonggak utama kerajaan • Kedudukan raja diperkukuh dgn sistem pentadbiran • Dibantu pembesar • Raja ditaati rakyat dan dianggap suci • Cth: Raja Champa suci dikaitkan dgn Dewa Siva	• Memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan • Terpakai di wilayah pengaruh • Panduan dlm pentadbiran • Cth: Majapahit mengamalkan undang-undang Kutara Manawa	• Kawasan yg rakyat menerima dan memperakui pemerintahan seorg raja • Cth: Wilayah pengaruh Funan luas dari Sg Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar , Segenting Kra	- Penduduk di dalam sesebuah negara setia kepada raja dan tidak menderhaka - Cth: rakyat Srivijaya buktikan kesetian kpd raja dgn upacara persetiaan dan meminum air sumpah

CIRI-CIRI NEGARA BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA

Kerajaan	- Kerajaan muncul disebabkan adanya raja - Raja pemerintah tertinggi dan dibantu pembesar - Pemerintahan raja diperkukuh dgn Sistem Pembesar 4 Lipatan. - Sistem pentadbiran tersusun menjadikan Kesultanan Melayu Melaka terkenal - Selepas kedatangan Islam pemerintah menggunakan gelaran sultan
Rakyat	- Menumpahkan setia kepada Sultan Melaka - Mematuhi undang² - Rakyat Melaka : Orang Melayu dan Orang Laut - Golongan diperintah terdiri dari golongan merdeka dan hamba - Raja menjamin kesejahteraan rakyat dan rakyat mengakui kuasa Sultan - Hubungan timbal balik mewujudkan persefahaman dan ikatan antara pemerintah dgn yg diperintah <u>Susun Lapis Masyarakat Melayu</u>
Kedaulatan	- Lambang kekuasaan tertinggi sultan Hak mutlak sultan utk mengawal rakyat dan wilayah. Kedaulatan Melaka diakui kerajaan lain dan bebas campur tangan kuasa asing - Diiktiraf oleh Dinasti Ming iaitu Dinasti Ming menghantar beberapa utusan seperti Laksamana Cheng Ho utk eratkan hubungan Melaka-China

Undang-undang	• Terdapat 2 undang² bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang² Laut Melaka. • Mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat • Menjadikan Melaka unggul • Undang² Pahang dan Undang² 99 Perak dipengaruhi undang² Melaka
Lambang kebesaran	• Merupakan identiti kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka • Menjadi simbol kedaulatan pemerintah • Cth seperti adat istiadat, warna, nobat, alat regalia dan cap mohor • Cap mohor digunakan utk mengesahkan arahan dari sultan
Wilayah Pengaruh	• Merujuk kawasan pemerintahan raja yg diterima dan diakui rakyat • Kesultanan Melayu Melaka mempunyai wilayah pengaruh yg luas iaitu seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera. • Diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan. • Menjadi bukti kewibawaan pemerintah • Wilayah taklukan : wilayah yg diperoleh melalui peperangan seperti Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri, Kampar • Wilayah naungan-wilayah yang menerima ketuanan KMM sama ada melalui perkahwinan / persahabatan. Contohnya Lingga, Pattani dan Kedah • Perolehan wilayah melalui perkahwinan : Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

KEUNGGULAN SISTEM PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

- Kesempurnaan dan keistimewaan yg dimiliki oleh sesebuah kerajaan
- Keunggulan Kesultanan Melayu Melaka terbukti melalui pentadbiran dan udg² yg tersusun

Sistem Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka

PEMBESAR EMPAT LIPATAN

- Menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka **lancar** dan **tersusun**
- Sultan memberi **kuasa mentadbir** sesuatu wilayah, sungai / pulau kepada **Pembesar Berempat**
- kawasan pegangan: kawasan yg dikurniakan sultan kpd **Pembesar Berempat**

SULTAN

- **Ketua** pemerintahan
- Berkuasa dalam **pemerintahan, peperangan, hubungan diplomatik, agama**

PEMBESAR BEREMPAT

- Bendahari
- Penghulu Bendahari
- Temenggung
- Laksamana

PEMBESAR LAIN

- Syahbandar
- Orang Kaya
- Bentara
- Hulubalang
- Penghulu



Sistem Pentadbiran Peringkat Pusat

- Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat (Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari, Laksamana)
- Hubungan dan persefahaman dua hala memastikan kejayaan KMM
- Permuafakatan antara sultan dan pembesar mewujudkan proses pentadbiran sempurna dan elakkan sebarang tindakan sewenang² pemerintah.



Penghulu Bendahari

- Kesultanan Melayu Melaka mempunyai **sistem kewangan teratur**
- Sumber pendapatan dari **perdagangan, cukai** dan **uffi** dari **wilayah takluk/naungan**.
- Penghulu Bendahari urus **perbendaharaan**

Bendahara

- Ketua pentadbir
- Ketua turus **angkatan tentera**
- **Penasihat** sultan
- **Pemangku** sultan



Laksamana

- Panglima angkatan laut Melaka
- Menjaga keselamatan laut

Temenggung

- Menjaga keselamatan kota Melaka / keselamatan darat

Syahbandar

- Pembesar lain **mengutip cukai** di kawasan pegangan
- Hasil perbendaharaan disalurkan untuk **membeli senjata** dan **membina istana**
- Kebijaksanaan pemerintah mengawal **perbendaharaan** menjadikan Kesultanan Melayu Melaka maju

Sistem Pentadbiran Peringkat Jajahan

- Pembesar: menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung
- Pembesar dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat
- Peranan pembesar: menjaga keamanan kawasan pentadbiran dan dibenarkan mengutip cukai



Bendahara Tun Perak

Nama penuh : TUN PERAK
Nama bapa : Tun Perpatih Sedang
Jawatan : Bendahara Melaka
Gelaran : Bendahara Paduka Raja
Pengalaman : Pernah Menjadi penghulu Kelang

- Bernaung di bawah **empat pemerintahan** sultan iaitu Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah.
- beliau telah menakluk negeri-negeri di **pantai Selat Melaka** seperti Rokan, Siak, Kampar dan Inderagiri di pulau Sumatera serta Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Perak.
- Kedah pula menjadi negeri **naungan** Melaka.

Undang-undang Kesultanan Melayu Melaka

- Undang² Melaka berasaskan syariah dan hukum adat iaitu **Hukum Kanun Melaka** dan **Undang-Undang Laut Melaka**
- Diperkenalkan untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka

HUKUM KANUN MELAKA

- Mengandungi **44 fasal** yang merangkumi undang-undang **jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, hal ehwal ekonomi** dan **kekeluargaan**.
- Perkataan **Titah, murka, kurnia, anugerah** hanya boleh digunakan oleh **Raja**.

Jenayah

- Perbuatan jenayah : **membunuh, menikam, mencuri**
- Hukuman bunuh (Fasal 5.1) apabila seseorang di dapati **membunuh** org lain **tanpa pengetahuan raja/pembesar** maka akan dihukum bunuh
- Fasal 4 hukuman bunuh : sesiapa **ingkar** arahan dan **memalsukan** titah sultan

Bidang kuasa sultan dan pembesar

- Pembesar perlu **arif** dlm pelaksanaan undang²
- Fasal 1: **tugas** sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari
- Sultan bertanggungjawab **melantik pembesar** : Bendahara/ Temenggung dan lain-lain

Kekeluargaan

- Tujuan mewujudkan **keharmonian** keluarga dan **menyelesaikan masalah** keluarga atau dlm perkahwinan.
- Fasal 26: pernikahan memerlukan 4 saksi, jika tidak cukup memadai 2 shj. **Hamba abdi** tidak boleh jadi saksi

Ekonomi

- **Peraturan** tentang urus niaga utk mengawal perdagangan di Melaka agar tiada kesalahan **bertentangan** dgn **ajaran Islam**.
- Fasal 30: amalan **riba** **diharamkan** dlm perniagaan dan org yg berniaga hendaklah akil baligh, siuman dan lafaz niat jual beli

UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA

- Diusahakan oleh **Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak** dan Diperkenan Sultan Mahmud Shah
- Mengandungi perkara berkaitan **peranan nakhoda, pelayaran, jenayah diatas kapal** dan **percukaian**

Peranan Nakhoda

- Berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai **raja dalam pelayaran**
- Arahan dan perintah nakhoda **perlu dipatuhi**
- Fasal 13.1 : nakhoda perlu diberi keutamaan utk **berniaga** selama **4 hari**
- Fasal 13.3: sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yg **tiada dalam senarai persinggahan**, nakhoda perlu **bermesyuarat** dgn semua orang dlm kapal utk mendapatkan **persetujuan**

Pelayaran

- **Peranan** pegawai lain dijelaskan seperti jurumudi, malim dan jurubatu supaya pelayaran **selamat** dan **lancar**.
- Fasal 9: seorg malim harus **arif** tentang ilmu pelayaran : keadaan ombak, arus dan kedudukan **bulan** dan **bintang** agar pelayaran selamat.
- Jika malim **lalai** dlm tugas hingga menyebabkan **perlanggaran** dan **kerosakan**, dia akan **dihukum bunuh**.

Jenayah

- Jenayah menggugat **ketenteraman** dan **keselamatan** isi kapal.
- Menjelaskan Hukuman terhadap perbuatan **mencuri, membunuh** dan **memberontak**
- Fasal 5: seseorg yg berkelakuan jahat dan membunuh org di atas kapal, akan **dihukum mati**

Percukaian

- **Sistematik** dan **adil**
- Cukai yg dikenakan dalam pelayaran utk perdagangan spt **cukai perjalanan** dan **hasil perniagaan**
- Fasal 6.3 : nakhoda menentukan **jumlah cukai** yang dikenakan terhadap penumpang iaitu **1/10** dari hasil penumpang sekiranya penumpang **ingin turun** sebelum sampai janjinya sama ada 3 tahun, 3 bulan atau 3 hari

Fasal dalam Hukum Kanun Melaka	
Fasal 1 (1.1)	- Menjadi satu kesalahan bagi rakyat sekiranya memakai pakaian berwarna kuning, kain kasa dan keris berhulu emas
Fasal 3	- Dilarang orang biasa menggunakannya semasa pengebumian iaitu berpayung, menghambur dirham, menggunakan bantal atau tilam berwarna kuning
Fasal 12 (12.1)	- Seseorg yg mengganggu isteri orang hendaklah menyembah suami perempuan itu di khalayak ramai. Jika enggan org tersebut akan didenda - Jika seseorg mengganggu / menawari (memikat) anak perempuan org lain, org itu akan didenda / dikahwinkan dgn perempuan tersebut jika ada persetujuan bapa perempuan tersebut. - Jika perempuan ditawarkan itu hamba, hukumannya hanya denda
Fasal 19 (19.1)	- Bagi org menduduki tanah org lain, sekiranya ada buah²an, makan perlulah makan bersama tuan tanah. - Jika hasil tanaman dijual, maka 1/3 hasil perlu diserahkan kpd tuan tanah. - Jika ada pokok ditebang dlm kawasan tanah itu, maka perlu bayar ganti rugi 1 1/3 harga pokok. - Menjadi kesalahan jika pembesar memberikan sebuah kampung kpd org lain tanpa pengetahuan raja
Fasal 20 (20.1/20.2)	- Tanah dibahagikan 2 jenis iaitu tanah hidup dan tanah mati - Tanah hidup : tanah yg pernah dikerjakan org - Tanah mati: tanah hutan dll - Orang membuat ladang di tanah hidup boleh didakwa
Fasal 21 (21.1)	- Tuan punya lembu akan di denda 1 ¼ tahil jika lembunya yg ditambat ditempat orang lalu lalang menanduk org. - Tuan punya lembu tidak akan didenda jika lembu yg ditambat di hutan dan menanduk orang
Fasal 23 (23.1)	- Seseorang dilarang menjual hamba yg asalnya ialah orang yg lapar dan org yg dlm kesempitan
Fasal 29	- Antara tugas syahbandar adalah menghukum kesalahan yg berkaitan dgn gantang dan cupak (perniagaan) dan hal ² yg berlaku pada org ² dagang
Fasal 31 (13.1)	- Jika seseorg itu menjual tanah, jualan itu termasuklah semua kayu kayan yg terdpt di dalamnya. - Bagi tanah huma (padi) yg dijual (tidak membuat perjanjian) hasil pertama huma perlu diberikan kepada tuan tanah lama dan hasil selepasnya milik pembeli tanah tersebut.

Bab Udg ² Laut Melaka	
Pelayaran	- Mualim hendaklah sentiasa beringat ² semasa pelayaran spy selamat semuanya dalam pelayaran
Jenayah	- Hukuman mencuri dlm perahu. Seseorg baik ² yg mencuri emas/perak/barang lain dihukum mengikut hukum negeri
Peranan Nakhoda	- Perundingan harus dilakukan oleh nakhoda dgn anak ² kapal dan penumpang sekiranya berlabuh di pelabuhan di pelabuhan yg tidak ada dalam senarai persinggahan
Percukaian	- "sesiapa (penumpang) yg ingin turun di tempat yg dijanjikan, maka dia perlu membayar 1/10 cukai kpd nakhoda

Peranan anak kapal berdasarkan Udg ² Laut Melaka	
Nakhoda	- Ketua kapal dan dianggap "raja" di dlm kapal
Jurumudi	- Pegawai yg menentukan arah dan dianggap "bendahara" di dlm kapal
Jurubatu	- Pegawai yg mengukur kedalaman laut dan dianggap sebagai "temenggung" di dlm kapal
Tukang kanan, tukang kiri, tukang agung	- Sida-sida di dalam kapal
Jurubatu kanan, jurubatu kiri, gantung layar dan senawi	- Pegawai khas dlm kapal yg bertanggung terus kpd nakhoda
Awak-awak	- Anak kapal yg b/jawab kepada tukang

PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT

- Hubung kait pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka selaras dengan **konsep waadat**
- Rakyat yg bernaung di bawah sultan dan pembesar **saling berkait** antara satu sama lain
- Ia berfungsi **mengerakkan** jentera kerajaan dan sistem pemerintahan
- Hubungan timbal balik mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka
- Waadat ialah **Perjanjian** antara Demang Lebar Daun (golongan diperintah) dgn **Sang Sapurba** (golongan pemerintah)

WAADAT

Maka titah Sang Sapurba, "Hendaklah segala anak cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim dan jahat pekertinya, janganlah segala hamba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga ditakluk negerinya juga...". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku". Maka titah Sang Sapurba, "Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu". Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumah ke bawah kaki ke atas". Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya".

Peranan Golongan Pemerintah

- Terdiri daripada Sultan, Pembesar, Kerabat diraja dan ulama

SULTAN

- Menaungi dan menjaga **keselamatan rakyat** negeri
- Mewujudkan **perpaduan** rakyat
- bertanggungjawab terhadap **kemakmuran** serta **kestabilan** kerajaan
- memperkenalkan undang² utk **mengawal** rakyat

PEMBESAR

- Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan
- Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
- Mengutip hasil melalui sistem serah dan membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah

Peranan Golongan Diperintah

- Terdiri dr **peniaga, petani, tukang** dan **nelayan**
- Hamba terdiri dari **hamba raja, hamba berhutang** dan **hamba biasa**

RAKYAT DAN HAMBA

- **Setia** kpd pemerintah
- **Mematuhi** arahan pemerintah
- Tidak menderhaka kerana takut ditimpa **tulah**
- Menjadi tentera
- **Menghadiri** majlis umum spt gotong-royong, pengayuh atau pendayung kapal
- Menyumbang **tenaga kerja** melalui sistem kerah seperti **membina istana** atau **jalan**

Kesan Hubungan Baik Antara Pemerintah dan Golongan diperintah

- Menjamin **kesejahteraan** rakyat
- Memelihara **kedaulatan raja**
- Rakyat perlu menjaga hubungan baik dgn pemerintah bagi mengekalkan **kemajuan** dan **keamanan** negara